

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 12
 RUANGAN : NEGARA

Dua mangsa dirawat di hospital, seorang lagi dibenarkan pulang

Tiga lagi kes difteria di Johor

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sebanyak tiga lagi kes difteria dilaporkan di Johor kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kes masing-masing melibatkan seorang kanak-kanak lelaki dan perempuan berusia empat tahun serta seorang remaja perempuan berusia 15 tahun.

“Kanak-kanak perempuan itu merupakan kakak kepada kanak-kanak lelaki berusia dua tahun sebulan yang meninggal dunia akibat komplikasi jangkitan difteria pada 21 Februari lalu.

“Kesemua mereka yang jangkiti tinggal di rumah yang sama,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Dr. Noor Hisham, ketiga-tiganya telah menerima rawatan di hospital dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

Seorang daripada mereka telah dibenarkan pulang manakala dua lagi masih dirawat di hospital.

Difahamkan, premis yang terlibat ialah rumah jagaan yang beroperasi di Johor Bahru.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, seramai 10 kanak-kanak yang tinggal di rumah sama dan mempunyai gejala telah diberi rawatan serta disahkan bukan kes difteria.

Lapan orang lagi yang tidak bergejala diberi rawatan antibiotik sebagai profilaksis (pencegahan).

“Keadaan kesihatan mereka dipantau secara harian oleh Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru selama 14 hari. Setakat hari ini (semalam), tiada kes baharu dilaporkan dan kejadian adalah terkawal,” katanya.

Jelas beliau, susulan kejadian wabak difteria di Johor itu, KKM ingin menegaskan kepentingan pemberian imunisasi bagi mencegah penyakit berjangkit yang boleh dicegah oleh vaksin seperti difteria, demam campak, batuk kokol dan lain-lain.

Dr. Noor Hisham memberitahu, penyakit-penyakit itu amat mudah merebak dan kanak-



BAKTERIA difteria akan menghasilkan toksin yang menyebabkan keradangan pada sekitar tekak dan bengkak leher yang boleh menyebabkan kanak-kanak sukar bernafas. – Gambar hiasan

kanak berisiko tinggi untuk dijangkiti.

Pemberian vaksin membantu tubuh mereka membina antibodi yang boleh melawan kuman penyebab penyakit dan memberi perlindungan daripada jangkitan.

“Sekiranya seseorang yang menerima vaksin dijangkiti kuman penyebab penyakit tersebut, gejala yang dialami adalah

ringan. “Namun, seseorang yang tidak divaksin bukan sahaja mudah dijangkiti, tetapi berisiko tinggi untuk mengalami komplikasi jangkitan yang boleh menyebabkan kegagalan fungsi pelbagai organ dan juga kematian,” katanya.

Beliau menyeru ibu bapa agar sentiasa memastikan anak-anak mereka mendapatkan imunisasi

INFO Difteria

- Penyakit disebabkan oleh bakteria *Corynebacterium Diphtheriae*
- Bakteria yang menjangkiti tekak menghasilkan toksin yang menyebabkan radang sekitar tekak dan bengkak leher sehingga sukar bernafas
- Boleh berjangkit melalui titisan respiratori apabila bersin, batuk atau bercakap
- Boleh merebak melalui sentuhan
- Mengalami simptom keletihan, sakit tekak, demam panas, batuk dan sakit kepala
- Individu yang tidak divaksin mudah dijangkiti dan berisiko tinggi alami komplikasi jangkitan

mengikut jadual yang ditetapkan dan bagi mereka yang tercicir suntikan, perkhidmatan imunisasi boleh didapati daripada fasiliti kesihatan terdekat. – Bernama